

BAB 1

Kedudukan Orang Melayu Sebelum Kemerdekaan

Kemakmuran, kebesaran, kemegahan dan keagungan kesultanan Melayu Melaka¹ terkenal ke seluruh dunia. Mulai dari saudagar bangsa India, Siam² dan Cina³ beribu-ribu tahun yang lalu telah mengadakan perhubungan perniagaan dengan negeri-negeri Melayu, akhirnya kemewahan, kekayaan, kemakmuran negeri-negeri Melayu tersiar luas perkhabaran hingga ke negeri Parsi, Arab dan Eropah, maka beransur-ansurlah pula

¹ Untuk melihat sejarah kesultanan Melayu Melaka, terdapat dua sumber utama, yang pertama ialah dari pandangan orang Melayu iaitu buku *Sejarah Melayu* dan yang kedua dari sumber barat (sumber Portugis) iaitu dari buku *The Sume Oriental* tulisan Tome Pires. Lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Macmillian Asian Histories Series, London, 1982, hlm. 40. Mengikut Ramlah Adam, "Institusi Raja yang wujud di Malaysia dikatakan daripada kerangka dan sistem politik yagn berunsur Hindu dan Islam yang telah memberi kekuatan kepada tradisi tempatan yang wujud sebelum kedatangan pengaruh-pengaruh tersebut di rantau ini. Bagi Institusi Raja Melayu Semenanjung Tanah Melayu, pengaruh Hindu Sri Vijaya telah memberi asas kepada kewujudan institusi Raja Melayu Melaka dan negeri-negeri Melayu lain yang terbentuk dari kewujudan empayar Melayu Melaka pada kurun 15 yang lalu. Sistem politik berunsur Hindu itu telah diteruskan tetapi dengan kedatangan Islam di Melaka pada awal kurun 15, institusi Raja Melayu mendapat satu lagi kekuatan. Ini telah menguatkan legitimasi kewujudan institusi raja itu dari perspektif Islam, dengan melihat raja itu sebagai wakil Tuhan di dunia atau kalipatullah", lihat Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 288.

² Mengikut Zainal Abidin Wahid, "hubungan politik antara Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan Siam bermula di awal pembentukan kerajaan Melaka. Melaka mengadakan hubungan politik dengan Siam untuk menjamin Melaka sebagai pusat perdagangan, pusat pengajian agama Islam dan pusat penyiaran agama Islam di rantau Asia Tenggara", lihat Zainal Abidin Wahid, "Glimpses of The Malacca Empire - II" dalam Zainal Abidin Wahid (edited), *Glimpses of Malaysian History*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 23.

³ Hubungan politik antara Melaka dengan Cina bermula pada tahun 1403 apabila utusan Cina tiba di Melaka. Kerajaan Cina memberi perlindungan politik daripada ancaman Siam kepada Melaka tanpa mengorbankan kebebasannya. Justeru itu, pada dekad awal penuhungan Melaka, hubungannya dengan Cina menjadi pengimbang antara kekuasaan Cina dengan kekuasaan Siam. Kesempatan yang diperolehi ini telah digunakan oleh Melaka untuk memajukan kerajaannya, lantas apabila kerajaan Cina menarik perlindungannya pada tahun 1430-an, Melaka telah berjaya mengalahkan serangan kerajaan Siam, malahan dapat meluaskan pengaruhnya di negari naungan Siam seperti Pahang dan Kelantan. Ibid., hlm. 24. Lihat juga Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Macmillian Asian Histories, London, 1982, hlm. 40-41.

bangsa-bangsa itu datang bermiaga ke negeri-negeri Melayu dengan kapal dan bahtera mereka yang besar-besar.⁴

Kesan kedatangan pedagang-pedagang luar, kerajaan Melayu mewah, makmur dan kaya raya.⁵ Di Melaka, masyarakat Melayu hidup dengan aman dan makmur, hidup sesama bangsa sendiri, berkerajaan sendiri, tiada siapa yang mengacau sebelum datangnya orang dagang dari Eropah.⁶

Perubahan yang datang kepada bangsa Melayu dan Tanah Air Melayu ialah perdagangan.⁷ Duarte Barbosa mengatakan;

bahawa Melaka adalah satu pelabuhan yang terkaya dan mempunyai jumlah peniaga yang terbesar di zamannya⁸

⁴. Kamaruddin Jaafar, *Dr. Burhanuddin Al Helmy: Politik Melayu dan Islam*, Yayasan Anda Sdn.Bhd, Kuala Lumpur, 1980, hlm.33

⁵ Kekayaan Melaka digambarkan oleh Tom Pires " barang siapa menguasai Melaka, maka ia boleh mencekik leher Venice, kata-kata Tom Pires tersebut menunjukkan betapa sibuk dan banyaknya barang dagangan di Melaka sehingga barang dagangan dari Melaka diperdagangkan pula di pelabuhan Venice. Lihat Zainal Abidin Wahid, "Sejarah dalam proses pembangunan", dalam. Malaysia, *Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm.16.

⁶. Kamaruddin Jaffar, *Dr. Burhanuddin Al Helmy: Politik Melayu dan Islam*, hlm.33.

⁷. Perdagangan ialah salah satu sumber pendapatan utama pada masa kerajaan Melayu Melaka. Mengikut Tom Pires "sultan Melaka kaya kerana sibuknya perdagangan di Melaka, sultan mendapat hasil pendapatan dari cukai yang dikenakan ke atas perdagangan dan juga hadiah dari pedagang-pedagang", Lihat Armando Corteso (edited), *The Sume Oriental of Tom Pires*, Volume II, Hakluyt Society, London, 1944, hlm.251. Di samping itu, perkataan dagang sentiasa bermain di bibir masyarakat Melayu, ini dapat dibuktikan melalui peribahasa Melayu dan orang Melayu memanggil orang luar seperti dari Cina, Hindi, Arab dan sebagainya dipanggil 'orang dagang' kerana mereka kenal orang luar sebagai orang yang datang berdagang atau datang dengan perdagangan. Perkataan dagang, dagangan, perahu dagang, dagang santri, dagang piatu begitu luas digunakan dalam pembendaharaan di alam Melayu. Lihat Kamaruddin Jaffar, *op.cit.*, hlm.33

⁸ .Zainal Abidin Wahid, *op.cit.*, hlm.16. Lihat juga Armando Corteso (ed), *The Sume Oriental of Tom Pires*, hlm.21-46.

Pendapat yang dikemukakan oleh Barbosa menunjukkan betapa giatnya perdagangan di alam Melayu, khususnya di pelabuhan Melaka. Mengenai pelabuhan Melaka, Tom Pires menjelaskan:

"Malacca is the port at the end of monsoon, the large number of junks and ship come ... Malacca was the center of commerce in South East Asia. This was because of its strategic position in the middle of the Straits of Malacca. Which gave it control of all navigation between the Indian Ocean and the far east, and made it the key to the eastern seas."⁹

Oleh kerana kedudukannya yang strategik, maka pelabuhan Melaka telah dikunjungi oleh berbagai-bagi bangsa untuk menjalankan perniagaan dan perdagangan. Justeru itu, Melaka menjadi pasar perebutan perdagangan bangsa-bangsa yang datang berdagang dan bermiaga. Mengikut Leornard Y. Andaya:

"The period of greatest activity was between December and March, when ships would reach Melaka from western Asia and the Far East. Ships from Java and the eastern Indonesia archipelago, on other hands, appeared later, from May until September. Since these traders, especially those from China and eastern Indonesia had some time to wait before favourable monsoon winds aid their homeward journey".¹⁰

⁹ Armando Corteso (ed), *The Sume Oriental of Tom Pires*, hlm. 251. Lihat juga Luis Filipe F. Reis Thomas, *Early Portuguese Malacca*, translation Fr. Manuel Pintado, Macau Territorial Commission for the Commemorations of the Portuguese Discoveries, Eu Tan Printing.

¹⁰ Barbara Watson Andaya and Leornard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm. 42.

Pada permulaanya, Bangsa Cina¹¹, Hindi¹², Parsi dan Arab datang merebut perdagangan dan perniagaan sahaja, kamudiannya bangsa Eropah yang datang bermiaga dan berdagang bukan sahaja merebut perdagangan tetapi akhirnya merebut kemerdekaan dan Tanah Air Melayu. Sejak kejatuhan Melaka pada tahun 1511,¹³ negeri Melayu dijajah oleh bangsa Eropah. Ada didatangi dan diserangi Portugis, Baland¹⁴ dan British.¹⁵

¹¹. Kehadiran orang Cina di Tanah Melayu telah bermula pada awal abad ke-7 lagi. Tanah Melayu ketika itu menghasilkan sumber hutan seperti kayu cendana, rempah ratus, gading dan sumbu badak. Barang ini kamudiannya ditukar dengan garam, beras, besi dan perlatan yang dibuat daripada tanah yang dibawa oleh pedagang-pedagang Cina. Pedagang Cina juga menghadiahkan barang yang diperbuat daripada emas, perak, sutera dan hasil kerja tangan yang cantik kepada pemerintah tempatan. Lihat G.Hunter, *South East Asia: Race, Culture and Nation*, Oxford University Press, London, 1966, hlm.37. Lihat juga G.Coedes (edited oleh Cowing S.B), *The Indianised State of Southeast Asia*, East West Centre Press, Honolulu, 1968, hlm.56.

¹². Hubungan penduduk Tanah Melayu dengan orang India pada permulaan abad Masehi boleh diperolehi daripada kitab-kitab sastera orang India. Kitab-kitab ini menceritakan lawatan pedagang India ke Asia Tenggara, misalnya dalam kitab *Jataka*, terdapat cerita mengenai pelayaran dari Bhurukecca, India ke Suvarnabhumi sebagai membalas lawatan pedagang dari Asia Tenggara. Dalam kitab *Kathasaritsagara* pula menyebut nama sebuah kerajaan bernama Kataha, iaitu nama kerajaan Kedah dalam bahasa Sanskrit. Lihat Zainal Abidin Wahid, *Malaysia: Warisan dan Perkembangannya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm.15

¹³. The fall of Melacca in 1511 to the Portuguese marked the beginning of Western domination in Malay Archipelago. Lihat Khasnor Binti Johan, "The Portuguese In Malaya" dalam. Zainal Abidin B. Abd.Wahid. *Glimpses of Malaysian History*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970,hlm.27.

¹⁴. Pada tahun 1641, Melaka jatuh ke tangan Belanda dengan bantuan tentera-tentera Johor. Lihat juga J.Kathirithamby - Wells, " The Dutch In the Straits of Malacca", dalam Zainal Abidin Bin Abdul Wahid. *Glimpses of Malaysian History*, hlm. 45. L.Y. Andaya menjelaskan bahawa tentera Johor tidak terlibat secara langsung dalam perperangan antara Portugis dengan Belanda. Sokongan yang diberikan oleh kerajaan Johor ialah dalam bentuk sokongan moral seperti bantuan pangangkutan, mengawal tentera musuh daripada lari ke dalam hutan dan yang paling penting ialah sokongan moral tentera Johor ke atas penaklukan Belanda ke atas Melaka. Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, hlm.69.

¹⁵. British pula mula menduduki Tanah Melayu apabila Francis Light menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786. Bermula dari situ, pengaruh British mula berkembang apabila menduduki Singapura pada tahun 1819. Melaka pula jatuh ke tangan British pada tahun 1824 apabila termeneterainya perjanjian Inggeris - Belanda 1824. Ekoran daripada itu, British mengembangkan lagi pengaruhnya ke Perak (1874), Selangor (1874), Sungai Ujong (1874) dan Pahang 1888. British membentuk dua institusi pemerintahan iaitu Negeri-Negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) dan Negeri Melayu Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang). Pada tahun 1909, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dibentuk terdiri dari Perlis, Kelantan, Kedah, Trengganu dan Johor. Bermula pada 1909, semua negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu terletak di bawah pengaruh British.

Kedatangan penjajah British di pertengahan abad kesembilan belas telah mengubah corak pemerintahan¹⁶ dan dengan itu segala aspek lain termasuk polisi ekonomi negara turut juga berubah. Polisi ekonomi mulai condong kepada memenuhi kepentingan penjajah British yang menguasai pemerintahan pada masa itu. Dari sara diri¹⁷ kepada tanaman wang, ekonomi Tanah Melayu mulai terdedah kepada sektor luar di mana perdagangan antarabangsa mulai memainkan peranan yang lebih penting.

Dalam zaman penjajahan, masyarakat pribumi dianggap sebagai golongan yang tidak mahu bekerja dan malas, malahan masyarakat pribumi dianggap tidak memainkan peranan atau terlalu kecil peranannya dalam kegiatan pembangunan ekonomi penjajah.¹⁸ Penjajah British hanya mengajak golongan bangsawan dalam kegiatan ekonomi moden

¹⁶. Ramlah Adam menjelaskan 'kedatangan penjajah telah menyebabkan segala sistem politik, ekonomi dan sosial pribumi yang pernah berdiri megah di Malaysia tidak berguna lagi, kuasa penjajah barat menggunakan dengan angkuh sistem politik dan ekonomi, bahasa dan kebudayaan sehingga sistem kebudayaan anak negeri tersingkir ke tepi dan anak negeri menjadi hamba di negeri sendiri" dalam *Utusan Malaysia*, 24 November 1998.

¹⁷. Sebelum kedatangan penjajah ke negeri-negeri Melayu, polisi ekonomi orang Melayu secara relatif adalah paling 'simple' yakni berbentuk 'reciprocal' di antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah. Tugas golongan pemerintah ialah melindungi rakyat dari serangan-serangan musuh di luar wilayah pemerintahannya. Dengan itu, tolongan ini tidak diwajibkan berusaha menghasilkan apa-apa keluaran. Tugas mengeluarkan hasil pertanian dan sebagainya adalah menjadi tanggungjawab golongan yang diperintah. Lebihan dari keluaran ini adalah untuk dipersetujui kepada golongan pemerintah sebagai timbal balas atas tugas mereka melindungi negara dan rakyat. Willian R.Roff, *The Origins Of Malay Nationalism*, Oxford Universiti Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm.306.

¹⁸. Kenyataan di atas boleh dibuktikan apabila kita membaca makalah dan tulisan penjajah British ke atas masyarakat Melayu. Mengikut kacamata kerajaan kolonial ke atas orang Melayu ialah;

- i. Orang negeri ini tak pernah menganggap yang Semenanjung Tanah Melayu sebagai satu negeri yang satu. Taat setianya bercorak tempatan; amat taat pada raja atau sultan, dan mereka memandang penuh dengan curiga akan apa-apa ancaman, baik benar ataupun cuma dibayangkan sahaja terhadap kuasa Raja atau Sultan.
- ii. Orang Melayu meninggalkan dan membiarkan pada orang lain segala runting pening urusan perniagaan, dan kerja makan upah yang membosankan di lombong-lombong bijih timah dan di estet getah. Ia gemarkan kebebasan, sungguhpun ia tertarek dengan jaminan keselamatan bekerja dengan kerajaan. Orang Melayu secara amnya, masih lagi serupa dengan orang tuanya dahulu, menjadi nelayan ataupun petani kecil, menjaga sawah padinya, pokok kelapanya atau tanaman sayurannya, dan untuk mendapatkan sedikit duit lebih, ia menoreh pokok getahnya sendiri.

Lihat "Introducing The Eastern Dependencies, keluaran Colonial Office, His Majesty Stationery Office, London 1949" dalam. Abdul rahman Embong, *Dewan Masyarakat*, Februari 1968

yang dibawanya. Bagaimanapun golongan bangsawan yang diajak terlibat dalam sistem ekonomi yang dibawanya hanyalah sebagai pentadbir. Golongan ini diajak ikut hanyalah dipergunakan sebagai alat dan bukannya untuk terlibat secara langsung dengan kegiatan ekonomi moden.¹⁹ Penjajah British sudah menyediakan satu dasar yang jelas untuk menempatkan masyarakat pribumi di kawasan petempatan tradisional mereka. Mereka digalakkan untuk meneruskan cara pengendalian ekonomi saradiri, sistem nilai dan pandangan dunia yang tersendiri.²⁰

British berasa gembira dan beruntung apabila pemerintah tempatan melalui perjanjiannya dengan British mensyaratkan bahawa pihak British jangan campur tangan dalam hal ehwal agama dan adat Melayu. Berdasarkan perjanjian ini membolehkan British menjalankan dasar pembangunan yang mengutamakan kawasan baru yang tidak didiami oleh masyarakat pribumi Melayu,²¹ tetapi dikerjakan oleh orang Cina, khasnya di kawasan perlombongan dan pelabuhan. Akibat perancangan yang mengutamakan sektor ekonomi moden telah menyebabkan berlakunya keadaan yang tidak seimbang dalam pembangunan sosio-ekonomi masyarakat di Tanah Melayu. Kemajuan ekonomi yang tidak pernah seimbang itu menyebabkan berlakunya sistem ekonomi duaan.

¹⁹ Firdaus Haji Abdullah, *Kepimpinan Melayu (satu rakaman Kewartawanan)*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1985, hlm.57.

²⁰ . Orang Melayu gemarkan kehidupan yang mudah, bertani dan ke laut, dan cuma baharu sahaja menyesuaikan diri dengan keadaan industri moden... mereka memang boleh jadi pemandu yang baik dan orang polis yang beruniform itu kebanyakannya orang Melayu. Lihat Colonial Office, Labour and Trade Union Organization In The Federation of Malaya And Singapore, HMSO, London ,1948, hlm. 3-4. Dlm *Dewan Masyarakat*, Februari 1968,

²¹ Khazim Tamrin dan Nabir Abdullah, " Imperialisme barat dan kesedaran kebangsaan masyarakat tempatan", dalam Wan Abdul Rahman (et.al), *Sejarah Perkembangan Temadun Dunia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 196, hlm.306.

Zainal Kling menjelaskan mengenai ekonomi orang Melayu dari zaman feudal hingga zaman penjajahan ialah;

Baik di zaman feudal sebelum penjajahan barat, maupun di zaman kolonial... Perekonomian rakyat jelataan Melayu terus tertinggal, malah sering pula tertindas, kerana itu, tidak salah agaknya kalau keadaan ini digambarkan dengan kiasan “kukur apa kepada kukur, nyiur juga yang binasa”²²

Kesan kemunculan ekonomi duaan ini telah menyebabkan wujud jurang ekonomi yang luas di antara golongan yang kaya²³ dan miskin.²⁴ Ekonomi duaan²⁵ ini berkait rapat dengan dasar penjajah yang memajukan kawasan tertentu sahaja. Lazimnya, penjajah hanya memberi tumpuan kepada kawasan yang mempunyai potensi tinggi dalam bidang ekonomi yang boleh mendatangkan keuntungan di pasaran dunia, misalnya, bahan-bahan seperti bijih timah, petroleum, kayu kayan, getah dan tembakau.

²². Firdaus Haji Abdullah, *op.cit*, hlm 57

²³. Golongan kaya terlibat secara langsung dengan sektor ekonomi imperialis dan sentiasa menerima kemudahan dan jaminan kerajaan. Kemudahan ini samada berbentuk moral atau material bertujuan memupuk kemajuan ekonomi kapitalis dan koloni.

²⁴. Golongan miskin ialah masyarakat yang mengamalkan ekonomi saradiri, kegiatan ekonominya masih primitif dan tidak mementingkan modal, manakala hasil keluarannya dipasarkan di sekitar pekan kecil dan dijual secara kecil-kecilan atau melalui orang tengah. Penduduk terbesar mengamalkan sistem ekonomi ini ialah masyarakat Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar.

²⁵. Ekonomi duaan bermaksud kaedah pengeluaran yang disusun supaya berbentuk dua jenis yang bersifat berlainan dan selari. Kaedah pertama terlibat dengan sektor moden dan kaedah kedua terlibat dalam sektor tradisi. Sektor moden tersusun dan didasarkan kepada sistem pengeluaran dan pertumbuhan barat dipersepaduan dengan baik ke dalam ekonomi dunia dan sistem perniagaan moden, serta menjadi maju dengan sewajarnya mengikut peredaran masa. Pada masa yang sama, sistem tradisi tidak tersusun, sungguh terpencil sebagai bidang yang tersendiri, dan hanya dihubungkan secara tidak langsung dengan dunia luar. Sektor moden berkembang dan membangun menjadi sektor bandar, sektor perdagangan dan industri, manakala sektor tradisi tidak bergerak maju, malaherosot apabila terdapatnya tekanan daripada sektor moden. Kebanyakan orang Eropah, orang Cina dan orang India terlibat dalam sektor ekonomi moden dengan daya pengeluaran tinggi, iaitu sebagai usahawan, pengurus dan pekerja dalam firma, ladang, syarikat perniagaan, manakala kebanyakkan orang Melayu terlibat dalam sektor pertanian tradisi dan penangkapan ikan yang bersifat tradisi serta rendah daya pengeluarannya. Just Faaland, Jack Parkinson dan Rais b. Saniman, *DEB ; Pertumbuhan Dan Ketaksamaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm.8

Ini bermakna penjajah akan hanya menyediakan beberapa rancangan dan projek ekonomi di kawasan tanah yang telah dikenalpasti boleh mengeluarkan hasil untuk dieksport.

Dalam kawasan yang banyak menghasilkan bahan mentah yang menguntungkan, biasanya kerajaan akan memberi perhatian bagi menyediakan pelbagai kemudahan asas kepada penduduknya.²⁶ Antara yang terpenting ialah pembinaan jalan raya,²⁷ jambatan, jalan keretapi²⁸ dan pengkalan jeti di pelabuhan.

Di samping kemudahan pasaran pengangkutan, kerajaan British juga memperkenalkan kehidupan yang berunsur barat.²⁹ Boleh dikatakan setiap bandar telah dilengkapi dengan kehidupan moden. Bangunan-bangunan yang dibina secara konkrit dan berbentuk teres telah diperkenalkan. Pembinaan bangunan kerajaan, balai polis, penjara, bilik bacaan dan rumah kediaman pegawai kerajaan dimulakan, sementara itu

²⁶. Khazim Tamrin dan Nabir Abdullah, dalam Wan Abdul Rahman (et.al), *Sejarah Perkembangan Temadun Dunia*, hlm 310.

²⁷. Pembinaan jalan raya pada mulanya untuk menghubungkan kawasan lombong timah dengan pengkalan-pengkalan di sungai. Dari situ bijih timah dibawa ke pelabuhan terdekat. Pada tahun 1902, pembinaan jalan raya telah dipertingkatkan berikutkan penggunaan bermotor yang semakin penting. Pada tahun 1911, jalanraya dari Seberang Perai ke Melaka telah siap dibina, pada tahun yang sama, jalan raya antara Kuala Lumpur dengan Kuantan telah siap dibina. Ini bermakna negeri-negeri di pantai barat dapat dihubungkan dengan negeri-negeri di pantai timur. Antara tahun 1911 hingga tahun 1928, jalan raya menghubungkan Perlis dengan Singapura telah siap di bina. Bagaimanapun jalan-jalan raya ini dibina ialah untuk mempergiatkan ekonomi kapitalis penjajah dan bukan untuk kegunaan masyarakat pribumi. Masyarakat pribumi masih lagi menggunakan sungai sebagai alat perhubungan yang utama.

²⁸. Jalan keretapi juga memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan ekonomi Tanah Melayu. Antara jalan keretapi yang mula-mula di bina ialah antara Taiping ke Port Weld (1885), Kuala Lumpur ke Port Swettenham (1889), Seremban ke Port Dickson (1891) serta Ipoh dan Tapah dengan Teluk Anson (1896). Pada tahun 1904, semua kawasan perlombongan bijih timah di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan mempunyai perkhidmatan keretapi. Jalan keretapi kamudiannya dihubungkan antara Seberang Perai dengan Johor Bahru pada tahun 1910 dan dihubungkan dengan sistem keretapi Siam pada tahun 1918. Di pantai timur, jalan keretapi dibina dari Gemas ke Kuala Lipis dan seterusnya dilanjutkan ke Tumpat pada tahun 1931. Untuk keterangan lanjut mengenai sistem pengangkutan. Lihat Amarjit Kaur, *Bridge and Barrier, Transport and Communication in Colonial Malaya 1870-1957*, Oxford University Press, Singapore, 1985 dan rujuk juga Chai Hon Chan, *The Development of British Malaya 1896-1909*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.

²⁹. Khazim Tamrin dan Nabir Abdullah, dalam Wan Abdul Rahman (et.al), *Sejarah Perkembangan Temadun Dunia*, hlm 310.

bagi menyesuaikan masyarakat dengan kehidupan moden, bekalan letrik dan air bersih telah diberikan kepada penduduk kawasan bandar. Satu lembaga kesihatan telah ditubuhkan dan hospital juga telah dibina di setiap daerah.³⁰

Di beberapa bandar baru, orang asing khususnya orang Cina dan orang India telah menguasai semua kegiatan ekonomi. Kedua-dua bangsa asing itu terlibat dalam sektor ekonomi moden dengan daya pengeluaran tinggi, iaitu sebagai usahawan, pengurus, dan pekerja dalam firma, ladang dan syarikat perniagaan.³¹ Kerajinan mereka bukan satu faktor yang unik kerana mereka adalah masyarakat pendatang yang harus bekerja keras dan bertungkus lumus untuk hidup di negeri orang. Ini adalah satu syarat yang sejagat di kalangan kaum pendatang, tetapi dengan adanya galakkan daripada penjajah British,³² telah menyebabkan kaum pendatang bertapak dan memonopolikan kawasan yang diwujudkan oleh penjajah. Kesan tindakan ini telah menyebabkan sejarah negeri-negeri yang didatangi oleh kaum pendatang juga berubah.

Masyarakat pribumi di Semenanjung Tanah Melayu tidak berubah dari segi kehidupan mereka pada zaman penjajahan, mereka umumnya berkerja sebagai petani,

³⁰ Hospital kerajaan yang pertama di Tanah Melayu didirikan di Taiping dan Kuala Lumpur pada tahun 1878.

³¹ Just Faaland (et.al), *DEB: Pertumbuhan Dan Ketaksamaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 8.

³² Peluang yang diberi oleh penjajah British menyebabkan orang Cina dan orang India membentuk lapisan ekonomi di bawah lapisan orang Eropah dalam sektor moden, mereka mendapat faedah daripada pembangunan begini dan berkebolehan mengambil alih daripada orang British apabila pihak British meninggalkan mereka selepas kemerdekaan. Just Faaland (et.al), *DEB: Pertumbuhan Dan Ketaksamaan*, hlm.8-9.

nelayan dan pengukir dan terus hidup dengan tradisi mereka.³³ Malahan, pembinaan sistem pengangkutan di kawasan darat dan kemunculan bandar baru di kawasan pedalaman telah menyebabkan kegiatan ekonomi tradisi turut musnah. Sungai yang merupakan pengangkutan dan kegiatan ekonomi tradisi telah hilang fungsinya kerana diganti oleh pengangkutan kawasan yang lebih canggih, cepat dan kos yang murah. Ini bermakna mereka yang terlibat dalam ekonomi tradisi terpaksa bersaing dengan ekonomi moden. Pembinaan jambatan untuk menyeberangi sungai telah menyebabkan penduduk pribumi kehilangan punca rezeki kerana penumpang mula menggunakan jambatan yang lebih cepat dan selamat.

Di Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke-20 telah memperlihatkan perkembangan ekonomi yang sungguh pesat. Menurut Khoo Kay Kim;

sekitanya diminta menjelaskan keadaan ekonomi Semenanjung Tanah Melayu dalam tempoh dua puluh tahun pertama kurun kedua puluh, sudah pasti, akan mengatakan bahawa ini adalah merupakan zaman kemakmuran.³⁴

³³ „Mengikut Rogers,” Petani itu adalah orang yang mengeluarkan hasil pertanian, tidak semestinya seluruhnya, di peringkat secukup hidup, petani adalah mereka yang menggunakan sendiri sebahagian besar hasil pengeluaran mereka”. Setengah-tengah penulis meluaskan definisi petani dengan tidak semata-mata merujuk kepada orang yang mengusaha tanah, tetapi juga lain-lain kategori orang yang mempunyai persamaan gaya hidup. Firth, misalnya merangkumi komuniti nelayan dan juga pengusaha kecil hasil seni sebagai petani.

³⁴ „Khoo Kay Kim,” Semenanjung Tanah Melayu: Suatu Kajian Kemasyarakatan Dan Ekonomi, 1900-1940” dalam. *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.111.

Kepesatan yang dimaksudkan oleh Khoo Kay Kim ialah dalam industri perlombongan bijih timah³⁵ dan perladangan getah.³⁶ Bagaimanapun kemakmuran dan kepesatan ekonomi di Semenanjung Tanah Melayu tidak diambil peluang oleh orang Melayu. Misalnya dalam perlombongan bijih timah, perusahaan perlombongan pada mulanya dimiliki serta diusahakan oleh pembesar Melayu, sebagai contoh di Perak; daerah Larut yang kaya dengan bijih timah diusahakan oleh Long Jaafar.³⁷ Oleh kerana masalah tenaga buruh, maka pembesar Melayu mendapatkan sewa dengan membenarkan pengusaha Cina melombong bijih timah. Bermula dengan sistem sewaan, maka pelombong-pelombong Cina telah membawa masuk pendatang Cina miskin untuk bekerja di lombong bijih timah. Lama-kelamaan, perlombongan bijih timah telah pula dikuasai oleh saudagar-saudagar Cina. Apabila penjajah British menguasai Tanah Melayu, penjajah British berniat melemahkan kuasa pemodal Cina dengan menguatkuasa melalui perundungan seperti pengharaman sistem buruh terikat. Dengan menguasai

³⁵Daripada tahun 1898 hingga tahun 1905, pengeluaran bijih timah Semenanjung Tanah Melayu merupakan separuh dari jumlah pengeluaran dunia. Sungguhpun dari tahun 1906 dan seterusnya, ada persaingan hebat dari negara lain, terutamanya Bolivia dan Negeria, Semenanjung Tanah Melayu terus mempunyai kedudukan yang tertinggi di antara beberapa pengeluar bijih timah dunia. Tambahan lagi, adalah diungatkan bahawa sungguhpun hasil pengeluaran tidak begitu berubah di antara tahun 1895 dengan 1948, namun nilai harga hasil timah telah terus meningkat, sehingga kadarnya jika dinilai secara hitung panjang, dalam masa empat tahun sesudah kemerosotan ekonomi tahun 1930-an adalah masih dua kali ganda nilai hitung panjang lima tahun untuk tempoh 1898-1903. Lihat Khoo Kay Kim, *Ibid.*, hlm. 111.

³⁶Getah juga dianggap hasil negeri Semenanjung Tanah Melayu yang paling penting selepas bijih timah. Kesan kewujudan perusahaan membuat motokar di Amerika dan Eropah telah menyebabkan getah menjadi satu komoditi yang sangat diperlukan di pasaran dunia. Sehingga tahun 1905, eksport getah hanya berjumlah 200 tan, tetapi pada tahun 1920, eksport getah telah bertambah berlipat ganda menjadi 196,000 tan. Sehingga tahun 1935, didapati jumlah penanaman modal orang British di Tanah Melayu berjumlah kira-kira 55 juta pound.

³⁷Khoo Kay Kim, *The Western Malay State 1850-1873*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972, hlm. 69. Mengikut Haji Buyung Adil, Long Jaafar berketurunan Penghulu Lubuk Merbau (dalam daerah Kuala Kangsar) bergelar Dato' Paduka Setia. Pada mulanya beliau datang ke Larut untuk bekerja dengan Dato' Panglima Bukit Gantang sebagai pemungut cukai di Kerian dan Kurau. Dato' Panglima Bukit Gantang telah diwakilkan oleh Sultan Perak untuk memungut cukai di daerah itu bagi pihak baginda. Haji Buyung Adil, *Sejarah Perak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981, Kuala Lumpur, hlm. 145-147.

tanah, pihak British dapat memajukan kepentingan perlombongan di Tanah Melayu di samping mengenepikan penguasaan pelombong-pelombong Cina.³⁸

Dalam perusahaan penanaman getah, orang Melayu juga tidak diberi peluang oleh penjajah British. Mereka hanya digalakkan untuk terlibat secara kecil-kecilan. Penjajah British mengalakkan supaya orang Melayu terlibat dengan penanaman padi, kelapa dan lain-lain hasil pertanian untuk dibekalkan kepada penduduk tempatan sahaja.³⁹

Kekayaan dalam industri bijih timah dan getah telah dinikmati oleh orang Cina dan orang India. Kedua-dua bangsa asing itu telah dibawa oleh penjajah British untuk berkhidmat dengan mereka sebagai buruh dalam kedua-dua perusahaan tersebut. Kedatangan mereka telah menyebabkan berlakunya perubahan dalam sektor ekonomi dan sosial di negeri-negeri Melayu. Kesan yang paling nyata ialah wujudnya penghijrahan secara besaran sehingga mengubah bentuk masyarakat di negeri-negeri Melayu. Masyarakat yang muncul hasil penghijrahan tersebut ialah masyarakat majmuk. J.S. Furnivall mendefinisikan masyarakat majmuk ialah sebagai:

“satu kumpulan manusia yang tinggal setempat seperti di Burma dan juga di Pulau Jawa ... mereka bercampur tetapi tidak mesra, setiap kumpulan berpegang kepada agama mereka, kebudayaan dan bahasa mereka, idea-idea dan cara mereka. Mereka berjumpa tetapi hanya di pasar apabila berjual beli hingga dalam bidang ekonomi terdapat pembahagian tenaga buruh mengikut kaum.”⁴⁰

³⁸Khazim Tamrin dan Nabir Abdullah, dalam Wan Abdul Rahman (et.al), *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*, hlm. 313.

³⁹Ibid., hlm. 313.

⁴⁰J.S. Furnival, *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study Ma and Natherlands India, of Burma*, Cambridge, At University Press, 1948, hlm. 304.

Berdasarkan makna yang dijelaskan oleh Furnivall, Tanah Melayu mempunyai persamaan dengan di Burma dan Jawa. Di Tanah Melayu, orang Melayu bekerja sebagai petani dan nelayan serta tinggal di kampung-kampung. Orang Cina tinggal di kawasan bandar dan bergiat dalam aktiviti perlombongan dan perniagaan manakala orang India pula tinggal di ladang-ladang getah dan bekerja sebagai penoreh getah. Masyarakat majmuk yang muncul di Semenanjung Tanah Melayu ialah akibat langsung dasar pembangunan ekonomi kolonial yang telah mengakibatkan kemiskinan di kalangan orang Melayu.

Di Semenanjung Tanah Melayu, penggunaan buruh Cina sangat diperlukan khususnya sebelum tahun 1930-an. Buruh Cina tertumpu di kawasan perlombongan bijih timah seperti di Seremban, Kuala Lumpur, Ipoh, Taiping , Teluk Anson dan Larut.⁴¹ Lama kelamaan, pusat perlombongan ini berkembang dan menjadi bandar baru. Mengikut .Khoo Kay Kim;

Kebanyakan bandar besar di Semenanjung Tanah Melayu dibina dari hasil bijih timah dan bukannya getah. Tiada bandar penting di kawasan getah. Bandar-bandar hasil perusahaan bijih timah ialah seperti Ipoh, Seremban, Kuala Lumpur dan Teluk Anson”⁴²

Seperti buruh Cina, buruh India juga amat diperlukan di Semenanjung Tanah Melayu. Kalau dilihat dari segi sejarah, kedatangan orang India ke Tanah Melayu boleh

⁴¹ . Emily Sadka, *The Protected malay State 1814-1895*, University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968. hlm.20-21.

⁴² . Khoo Kay Kim, *The Western Malay State 1850-1873*, hlm 114

dikesan sebelum kedatangan penjajah British. Mereka datang ke Tanah Melayu sebagai pedagang. Apabila British bertapak di Asia Tenggara, kekuasaan pedagang-pedagang India mulai merosot. Kedatangan orang-orang India di zaman penjajahan British bukan lagi sebagai pedagang tetapi sebagai golongan buruh yang tidak berpelajaran dan bekerja di ladang-ladang getah atau projek-projek kerajaan untuk menyara hidup. Berbanding dengan orang Cina, buruh India agak tidak bernasib baik kerana mereka diletakan di ladang-ladang getah yang jauh di kawasan pedalaman dan agak sukar berinteraksi dengan masyarakat luar. Justeru itu, orang Cina jauh lebih maju berbanding dengan orang-orang India.

Penjajah British bukan sahaja membawa sistem ekonomi kapitalis, tetapi mereka juga membawa bersama sistem pendidikan sekular kepada masyarakat di Semenanjung Tanah Melayu. Pada peringkat awalnya usaha pihak British telah mendapat tentangan daripada penduduk tempatan. Ini kerana telah ada satu sistem pendidikan yang unggul yang telah lama diterima oleh Orang Melayu iaitu pendidikan berorientasikan keagamaan dan tumpuan adalah pada pengajaran Al-Quran.⁴³ Pendidikan sekular yang diperkenalkan oleh British dianggap bertentangan dengan agama Islam. Apabila pihak British berjanji bahawa Al-Quran akan diajar dalam kawasan sekolah, barulah ibubapa membenarkan anak-anak mereka menghadiri sekolah sekular, dan dalam hal ini, Philip Loh Fook Seng menjelaskan;

1. The Koran may be taught in the school, but it must keep strictly separate from the Malay.

⁴³. Haris Mohd Jadi, *Etnik, Politik dan Pendidikan*, Dawan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm.1

2. The morning lesson must be devoted to instruction in Malay,
The Koran must be confined in the afternoon.
3. The Government allowance to the teacher is made on account
of the Malay lesson only, the parents should assist in paying
the master for teaching the Koran.⁴⁴

Bila pendidikan sekular mula-mula diperkenalkan oleh British dalam abad ke-19, satu daripada kesukaran yang dihadapi ialah bahawa tidak ada guru yang dapat mengajar membaca dan menulis Melayu⁴⁵ dan juga kira-kira mudah.⁴⁶ Masalah ini hanya dapat diselesaikan apabila Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) didirikan di Tanjung Malim, Perak pada tahun 1922. Di sinilah guru-guru Melayu dilatih untuk mengajar di Sekolah-sekolah Melayu yang serba kekurangan.⁴⁷

Penajah British tidak berniat untuk memajukan orang Melayu dalam sistem pendidikan sekular yang disediakan. Ini dapat dibuktikan seperti yang dilaporkan oleh Pengarah Pelajaran pada tahun 1920 yang berbunyi;

⁴⁴ . Loh, Philips, F.S, *Seed of Separatism, Educational Policy In Malaya 1874-1940* Oxford University Press, 1975, hlm. 13. Lihat juga Chelliah, D.D, *A History of the Educational Policy of the Straits Settlements*, G.h Kiat & Loctel, Singapore, 1966, hlm.64

⁴⁵ R.J Wilkinson dan R.O Winstedt sebagai Pengarah Pendidikan negeri Selat dan Negeri Melayu Bersekutu dengan giat mengalakkan pengenalan tulisan rumi atau roman pada tahun 1904 dengan mencetak hikayat Melayu dalam tulisan rumi demi memudahkan karangan dan pemahaman mereka mengenai bahasa Melayu. Perubahan tulisan ini menyebabkan ramai dari kalangan orang Melayu tidak pandai menulis rumi kerana mereka telah biasa dengan tulisan jawi sedangkan sekolah vernakular Melayu menggunakan tulisan rumi. Niat penajah ialah untuk mengurangkan peranan tulisan jawi kerana tulisan jawi dikaitkan dengan agama Islam. Usaha British ini pula disokong oleh nasionalis Melayu seperti Abdul Rahim Kajai dan Zaba. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm.235-239. Leonard Y. Andaya juga menjelaskan matlamat Wilkinson memperkenalkan tulisan rumi supaya kaum Cina dan India dapat membaca hikayat Melayu. Apabila dapat membaca hikayat Melayu dalam tulisan rumi, maka kedua-dua kaum ini dapat merasakan bahawa mereka juga adalah sebahagian dari penduduk Tanah Melayu. Lihat Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *History of Malaysia*, hlm.231.

⁴⁶ . Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu Malaya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974, hlm.1

⁴⁷ . Haris Mohd.Jadi, *op.cit*, hlm 12.

“tujuan kerajaan bukanlah untuk melahirkan beberapa kerat pemuda Melayu yang terpelajar atau beberapa orang pelajar lelaki yang kurang pelajaran tetapi sebenarnya ialah untuk meninggikan taraf hidup kebanyakan orang iaitu anak seorang nelayan dan petani sebagai nelayan atau petani yang lebih bijak dari bapanya dari segi pelajaran dan melalui pelajaran juga, membantu untuk menyesuaikan dirinya dengan keadaan sekitarnya.”⁴⁸

Dengan dasar yang ditunjukkan di atas, jelaslah bahawa dengan pendidikan keadaan orang Melayu terus menerus tertumpu pada bidang pertanian dan kehidupan sebagai nelayan. Pelajaran yang diajar di sekolah Melayu hanyalah untuk membolehkan murid-murid menulis, membaca dan mengira di samping sedikit ilmu geografi, pekebunan dan pertukangan.⁴⁹ Mata pelajaran yang diajar tersebut adalah berorientasikan pekerjaan untuk menjadikan anak Melayu cekap dalam sekitaran mereka, sama ada dalam bidang pertanian ataupun nelayan.

Pendidikan yang dianjurkan oleh penjajah British pada masa itu bukanlah untuk memaju dan memodenkan orang Melayu, sebaliknya pendidikan yang diberi adalah bertujuan untuk mengekalkan sistem sosial tradisional orang Melayu.⁵⁰ Peluang lepasan sekolah Melayu untuk menyertai sektor ekonomi dan pentadbiran amat terbatas, peluang yang ada hanyalah menjawat jawatan rendah seperti polis, pelayan pejabat dan buruh

⁴⁸William R. Roff, *The Origin of Malay Nationalism*, Oxford University Press, Singapore, 1991, hlm. 127.

⁴⁹Kualiti pendidikan sekolah Melayu juga terlalu rendah. Kebanyakan sekolah Melayu memberi pendidikan selama empat tahun dengan masa belajar dua jam sehari bagi darjah satu, dua, tiga dan empat jam bagi darjah empat. Persekolahan Melayu hanya setakat sekolah rendah sahaja dan tidak ada sekolah di peringkat menengah.

⁵⁰Dasar pendidikan British di Tanah Melayu disifatkan sebagai ‘dualistik’ dan juga sebagai dua lapis kerana menghaskaskan pendidikan Inggeris bagi golongan elit manakala pendidikan vernakular dianggap sesuai bagi orang ramai. Pendidikan Inggeris untuk saluran melatih pekerja ‘kolar putih’ di peringkat rendah dan pendidikan vernacular untuk mengekalkan status quo masyarakat biasa. Philip Loo Fook Seng, *op.cit.*, hlm. 204 dan Haris Nohd Jadi, *op.cit.*, hlm. 35-37.

kerajaan.⁵¹ Maka bolehlah dikatakan bahawa pendidikan yang diberikan kepada orang Melayu tidak memberi apa-apa mobiliti sosial walaupun di dalam persekitaran mereka, kecuali kepada mereka yang berjaya terpilih memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris, yang lainnya kembali pada pekerjaan tradisi yang diwarisi dari nenek moyang mereka.

Di samping sekolah-sekolah Melayu, terdapat juga sebilangan kecil orang Melayu yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris. Bagaimanapun jumlah mereka adalah terhad berbanding dengan kaum-kaum yang lain di Semenanjung Tanah Melayu. Mengikut Khoo Kay Kim:

“pada umumnya kebanyakannya orang Melayu tidak menerima pendidikan Inggeris dan apatah lagi menerima budaya Inggeris, mereka mengutamakan nilai tradisi untuk terus mengamalkan apa yang diamalkan oleh orang tua mereka. Mereka sedar dan bangga dengan kebudayaan mereka.”⁵²

Sikap yang tidak sensitive dengan perkembangan semasa inilah yang merupakan salah satu punca kemunduran orang Melayu dalam pendidikan, maka tidak hairanlah beberapa orang Melayu sahaja yang lulus sekolah Inggeris, inipun dari golongan bangsawan yang sememangnya diberi kemudahan oleh penjajah British. Golongan bangsawan diberi kemudahan istimewa untuk menerima pendidikan Inggeris apabila tertubuhnya Maktab Melayu Kuala Kangsar pada tahun 1905. Philip Loh Fook Seng menerangkan kedudukan Maktab Melayu Kuala Kangsar:

⁵¹Dalam Laporan Residen British Negeri Sembilan kepada Residen Jeneral pada tahun 1898 ada disebut bahawa pendidikan Melayu ialah untuk mengajar kanak-kanak lelaki Melayu belajar menulis dan membaca Melayu, Ilmu Kira-kira, Ilmu Alam dan Bahasa Melayu Rumi, pelajaran sebanyak ini mengajar mereka menjadi rajin, taat dan sukaan kebersihan dan melayakkkan mereka untuk lantikan sebagai Mata-mata, Peon, Kerani, Kastam dan Pengawal Hutan. Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad (ed), *Kolonialisme Di Malaysia Dan Negara-Negara Lain*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, hlm. 108.

⁵²Khoo Kay Kim, *The Western Malay State 1850-1873*, hlm. 114.

"The Malay College at Kuala Kangsar, founded in 1905, had as its major role the preparation of some the traditional Malay elite for administrative and inscriptive position in the Malay states."⁵³

Maktab Melayu Kuala Kangsar ditubuhkan mengikut tradisi terbaik yang terdapat di sekolah-sekolah persendirian di Britain. Ini dirasakan sesuai oleh pihak penjajah kerana ia tempat anak-anak dari golongan aristokrat Melayu diberi pendidikan tetapi dalam bilangan yang amat sedikit.⁵⁴ Kurikulum yang terdapat di Maktab tersebut menyediakan pelajar-pelajarnya untuk peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Universiti Cambridge.⁵⁵ Lulusan Maktab ini diberi peluang memenuhi jawatan yang terdapat dalam pentadbiran penjajah. Ini berbeza dengan lulusan MPSI yang diberi peluang menyandang jawatan guru yang mengajar di sekolah rendah di kampung-kampung tradisional Melayu. Justeru itu, pada asasnya, kedua-dua institusi pendidikan ini dijadikan alat oleh pihak penjajah British untuk mengekalkan "status quo" masyarakat Melayu feudal.

Sambutan orang Melayu terhadap pendidikan Inggeris, agak dingin, misalnya di Melaka pada tahun 1938, bilangan kanak-kanak Melayu di sekolah Inggeris ketika itu ialah 209 orang lelaki dan 30 orang perempuan.⁵⁶ Jadual 1 menunjukkan kemasukan pelajar Melayu di sekolah pendidikan Inggeris dari tahun 1919 hingga 1937.

⁵³Philip Loh fook Seng, *op.cit*, hlm. 79. Lihat juga Leonard Y. Andaya, *op.cit*, hlm. 229.

⁵⁴Cheah Boon Kheng & Abu Talib Ahmad, *op.cit*, hlm. 92.

⁵⁵Haris Mohd Jadi, *op.cit.*, hlm. 14.

⁵⁶Annual Reports, S.S., Vol. 2, 1938, hlm. 630.

Jadual 1

**Kemasukan Pelajar-pelajar Di Sekolah Inggeris
Dalam Persekutuan Tanah Melayu**

Tahun	Melayu	Jumlah Kemasukan Pelajar	Peratus Pelajar Melayu
1919	758	8,456	8.9
1920	934	9,208	10.1
1921	1,345	10,105	13.3
1922	1,612	10,450	15.4
1923	2,055	11,594	17.7
1924	2,310	12,806	18.0
1925	2,556	13,768	18.5
1926	2,707	14,509	18.6
1927	2,772	16,283	17.0
1928	2,794	16,185	17.2
1929	2,817	17,113	16.4
1930	2,905	17,997	16.4
1932	2,650	17,477	15.1
1933	2,713	16,417	16.5
1935	2,540	16,496	15.4
1937	2,558	17,161	14.9

Sumber: Dipetik dari Philip Loh Fook Seng, *Seed of Separatism, Educational Policy In Malaya 1874-1940*, Oxford Universiti Press, 1975, hlm. 82.

Berdasarkan Jadual 1, sambutan orang Melayu terhadap sekolah Inggeris agak dingin. Bagaimanapun terdapat penerimaan orang Melayu semakin baik dari setahun ke setahun. Pada tahun 1919, hanya terdapat 758 (8.9%) pelajar Melayu yang belajar di sekolah Inggeris dan jumlahnya meningkat kepada 2,558 (14.9%) pelajar pada tahun 1937. Pertambahan ini agak memberangsangkan kerana pada permulaan sekolah Inggeris, orang Melayu menaruh syak terhadap institusi tersebut terutama dengan aktiviti mubahigh. Apabila merasakan kepentingan sekolah Inggeris, barulah orang Melayu

membuat desakan supaya sekolah-sekolah Inggeris didirikan di luar bandar supaya mereka juga dapat menikmatinya. Desakan ini dapat dilihat, misalnya pada tahun 1913, orang Melayu di daerah Lenggong (Perak) dan Krian (Perak) telah meminta pihak British mendirikan sekolah Inggeris untuk anak-anak mereka tetapi permintaan mereka ditolak.⁵⁷ Ibubapa Melayu di Kelang juga memohon supaya sebuah sekolah Inggeris didirikan di Kelang. Residen Selangor pada masa itu bersetuju, malangnya belum pun 4 bulan sekolah itu berjalan, pihak kerajaan British di peringkat Persekutuan telah menutup sekolah itu kerana dianggap bertentangan dengan dasar penjajahan.

Penolakan British terhadap permintaan orang Melayu untuk menubuhkan sekolah Inggeris di kampung-kampung mereka menunjukkan bahawa tidak kesemua orang Melayu tidak berminat dengan sistem pendidikan Inggeris, sebaliknya penjajah British dengan sengaja tidak memberi peluang kepada orang Melayu belajar dengan giatnya di sekolah Inggeris. Penjajah British berkehendakkan orang Melayu belajar di sekolah Melayu dan berkecimpung dengan suasana budaya Melayu di kampung-kampung.

Oleh kerana penjajah British mengalakkan pertumbuhan sekolah-sekolah Melayu, maka terdapat perkembangan yang positif dari segi bilangan sekolah Melayu. Pertambahan bilangan ini menunjukkan penerimaan orang Melayu terhadap sistem sekolah Melayu. Jadual 2 menunjukkan gambaran perkembangan sekolah-sekolah Melayu dari segi bilangannya.

⁵⁷ Proceeding of the Federal Council F.M.S. 1930, Nm. B 104-5 mengandungi ingatan kembali Winstedt terhadap permohonan yang diterima olehnya semasa menjadi Pegawai Daerah Matang, Perak.

Jadual 2

**Bilangan Sekolah-Sekolah Melayu Di Negeri-Negeri Selat,
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu
Tidak Bersekutu Dalam Tahun 1924, 1931 dan 1938**

Negeri	1924	1931	1938
Negeri-Negeri Selat			
Singapura	21	25	
Pulau Pinang	98	102	
Melaka	88	87	
Jumlah	207	214	219
Negeri Melayu Bersekutu			
Perak	238	274	
Selangor	73	87	
Negeri Sembilan	77	88	
Pahang	54	85	
Jumlah	442	534	569
Negeri Melayu Tidak Bersekutu			
Johor	72	113	155
Kedah	67	88	111
Perlis	16	23	25
Kelantan	24	62	63
Terengganu	12	20	27
Jumlah	810	1,054	1,169

Sumber: Dipetik dari Awang Had Salleh, *Pelajaran Dan Perguruan Melayu Malaya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, hlm. 15.

Berdasarkan Jadual 2, jumlah sekolah Melayu pula keseluruhannya pada tahun 1924 ialah sebanyak 810 buah dan meningkat kepada 1,054 buah pada tahun 1931. Pada tahun 1938, jumlah sekolah Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ialah 1,169 buah. Pertambahan bilangan sekolah Melayu ini menunjukkan bahawa pelajaran Melayu mulai diterima di kalangan masyarakat Melayu. Bagaimanapun, pelajar-pelajar di sekolah Melayu tidak dapat meneruskan pelajaran mereka kerana pihak penjajah hanya menganjurkan persekolahan Melayu setakat sekolah rendah sahaja. Peringkat menengah yang dianjurkan oleh penjajah hanyalah dalam bentuk maktab perguruan yang hanya

berperanan membekalkan guru-guru untuk mengajar di peringkat sekolah rendah. Peringkat rendah pelajaran Melayu ini berkekalan begitu sehingga beberapa waktu sesudah merdeka apabila kerajaan memperkenalkan sekolah Menengah Kebangsaan. Justeru itu, lepasan sekolah rendah tidak ramai yang bekerja dengan pihak kerajaan, sebaliknya mereka meneruskan kehidupan tradisi mereka sebagai petani atau nelayan.

Dilihat dari semua aspek, sekolah Inggeris adalah ‘elitist’ bentuknya dan tinggi pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat. Kurikulum yang disediakan pula berasaskan *Senior Cambridge School Certificate Examination* yang mempunyai nilai pekerjaan bukan sahaja dalam agensi kerajaan tetapi juga di syarikat-syarikat swasta. Dengan perkembangan ekonomi yang semakin pesat, maka kakitangan yang berpendidikan Inggeris semakin diperlukan untuk memenuhi tenaga pekerja di peringkat pertengahan. Pada masa yang sama pertumbuhan sekolah-sekolah Inggeris disekat untuk menghalang penduduk-penduduk luar bandar diresapi kebudayaan barat dan idea-idea barat yang boleh mengugat pentadbiran penjajah British. Maka, pendidikan Inggeris di zaman penjajahan bolehlah dikatakan sebagai ‘kasih dan benci’ dengan masyarakat tempatan.⁵⁸ Apabila meletus perang dunia kedua, sekolah Inggeris telah berkembang dengan kewibawaan dan hak-hak yang mengatasi sekolah-sekolah vernakular lain dari segi kepentingan dan status.

Pendidikan yang dianjurkan oleh penjajah British ialah untuk menjaga kepentingan mereka, namun kesan positif tetap diterima oleh masyarakat pribumi khususnya orang Melayu. Kesan yang tidak direncanakan oleh pihak British ialah

⁵⁸. Haris Mohd Jadi, op.cit., hlm.18

munculnya golongan Melayu yang sedar akan bangsanya yang tertinggal dan tertindas dalam semua aspek kehidupan. Atas kesedaran ini, maka munculnya semangat kebangsaan untuk membela nasib bangsa.⁵⁹

Masyarakat Melayu terpaksa menghadapi dua masalah besar iaitu penindasan daripada penjajahan dan ancaman imigran asing. Dua faktor ini amat mempengaruhi perkembangan dan gerakan kesedaran Melayu mulai awal abad ke-20 sehingga menjelang Perang Dunia Kedua. Tahap perkembangan nasionalisme orang Melayu dapat dilihat melalui proses sederhana, aktif dan matang. Matlamat pejuang nasionalis ialah untuk membentuk kerajaan sendiri. Tetapi sebelum dapat menegakkan kerajaan sendiri, mereka terpaksa melalui liku-liku kehidupan yang mencabar.

Dalam dua dekad pertama abad ke-20, gerakan semangat kebangsaan orang Melayu yang dalam peringkat awalnya, berasaskan kesedaran telah dibangkitkan oleh segolongan anak Melayu yang kemudian mengelarkan diri mereka sebagai Kaum Muda.

⁵⁹Semangat kebangsaan merupakan satu konsep yang telah menarik perhatian ramai ahli sejarah. Hans Kohn memberi maksud semangat kebangsaan sebagai satu keadaan fikiran yang menyerap masuk ke dalam jiwa sebahagian rakyat dan mengiktiraf negara bangsa sebagai bentuk organisasi politik yang unggul, dan bangsa sebagai punca bagi segala kehidupan dan budaya yang membina dan punca kesejahteraan ekonomi. Lihat Hans Kohn, *The Idea of Nationalism*, New York, 1944, hlm. 16. A.D. Smith pula melihat semangat kebangsaan sebagai satu pergerakan idealogi untuk mencapai dan memelihara pemerintah sendiri dan kemerdekaan bagi suatu golongan yang sebahagian besar daripada anggota itu melihatnya sebagai satu bangsa yang sebenar atau satu bakal bangsa seperti bangsa-bangsa lain juga. Lihat A.D. Smith, *Theories of Nationalism*, London, 1921, hlm. 23. Berasaskan pandangan Hans Kohn dan A.D. Smith, maka dapat disimpulkan bahawa nasionalism ialah satu proses mewujudkan negara bangsa dan ke arah berkerajaan sendiri. Justeru itu, dalam konteks zaman penjajahan di Tanah Melayu, nasionalisme secara khususnya membawa pengertian kepada satu kesedaran yang membangkitkan semangat untuk mendapatkan kebebasan atau kemerdekaan. Kebebasan merupakan hasrat yang diperjuangkan oleh individu dan rakyat untuk membiasakan negara mereka daripada cengkaman dan belenggu penjajah. Kebangkitan nasionalisme juga merupakan satu bentuk kesedaran di kalangan rakyat dalam sesebuah negara untuk menebus maruahnya yang turut tercemar melalui dasar penjajahan asing. Perjuangan itu juga untuk menentukan masa depan bangsa dan negara yang merdeka. Ini bermakna, nasionalisme bergerak dan berkembang ke arah menebus semula identiti bangsa yang bertamadun dan berbudaya tinggi.

Mereka merupakan sebilangan angkatan baru dalam masyarakat Melayu yang kebanyakannya mendapat pendidikan Islam dan melanjutkan pelajaran ke Mesir dan Madinah. Semasa di Timur Tengah, mereka telah dipengaruhi oleh gerakan Islam yang diasaskan oleh Syeikh Mohammed Abduh. Gerakan Islam yang merebak di dunia Arab di kalangan orang Islam telah mempengaruhi kebanyakan penuntut Melayu Nusantara yang belajar di Timur Tengah.

Berdasarkan perjuangan Muhammad Abduh, Kaum Muda menyedari betapa pentingnya untuk menabur kesedaran dan meramandu masyarakat ke jalan yang sebenar seperti yang dikehendaki oleh Islam. Mereka menyedari bahawa antara faktor utama yang memundurkan masyarakat Melayu selama ini ialah,

1. Kurangnya memahami ajaran Islam seperti yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadith.
2. Peranan guru agama dan imam yang tidak memberi pengajaran dan kepimpinan yang sewajarnya di kalangan orang Melayu.
3. Gejala adat istiadat yang masih banyak dipengaruhi unsur Hindu.
4. Peranan pentadbir British dan masyarakat imigran yang saling berganding bahu memeras ekonomi Tanah Melayu.
5. Sikap masyarakat yang masih di sekitar kampungnya, sedangkan di kawasan lain, penduduknya sentiasa berwaspada dan bertindak pantas dalam perkembangan ekonomi dan kehidupan moden.

Faktor di atas telah mendorong Kaum Muda membuat beberapa perubahan untuk memberi kesedaran, pendidikan dan perubahan di kalangan orang Melayu agar mereka dapat melihat perubahan yang sedang berlaku di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka perlu disedarkan betapa kaum penjajah menindas pribumi dengan cara yang sistematik.

Kebanyakan Kaum Muda berasal dari negeri-negeri Selat. Mereka diberi kebebasan bersuara melalui akhbar dan majalah.⁶⁰ Oleh kerana itu mereka telah berusaha menerbitkan akhbar dan majalah sendiri. Akhbar pertama Kaum Muda yang banyak membincangkan soal kemunduran, kelemahan dan kealpaan orang Melayu ialah *Al-Imam*.⁶¹ Tujuan penerbitan majalah *Al-Imam* ini terungkap dengan jelas dalam rencana pengarang yang ditulis oleh Syeikh Mohd.Salim al-Kalali;

mengingat mana yang lali dan menjagakan mana yang tidur
dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang
menyeru dengan kebajikan.⁶²

Secara tepatnya kandungan dan intisari majalah *Al-Imam* ialah menitikberatkan isu-isu dan masalah utama seperti memperjuangkan Islam berdasarkan Al-Quran dan Hadith, memberi galakan kepada orang Melayu supaya melakukan ijihad dan menjauhkan diri daripada taklid buta. *Al Imam* juga menyarankan sistem pendidikan baru, iaitu satu sistem yang berdasarkan pendidikan Islam yang sihat serta ditambah tentang pengetahuan Arab.

⁶⁰ .Khazim Tamrin dan Nabir Abdullah, dalam Wan Abdul Rahman (et.al), *Sejarah Perkembangan Temadun Dunia*, hlm 330.

⁶¹ Majalah *Al-Imam* diterbitkan di Singapura pada 22 Julai 1906, ditulis dengan huruf Jawi berukuran lebar 6.3 inchi serta panjang 8.6 inchi. Pada mulanya majalah ini dicetak oleh Matbakoh Melayu Trading, Tanjung Pagar dan kamudian oleh *Al-Imam* Printing Company Limited. *Al-Imam* mengandungi 32 halaman yang dijual dengan harga 25 sen nilai wang British pada masa itu.

⁶² William R.Roff, *Nasionalisma Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm 71

Inggeris, Ilmu Hisab dan Agama.⁶³ Ini bermakna *Al-Imam* bukan setakat menyeru orang Melayu kembali kepada Al Quran dan Al Hadith tetapi juga membuat seruan supaya menerima pengetahuan Barat.⁶⁴

Akhbar ini sering memberi peringatan dan amanah kepada orang Melayu betapa pentingnya pendidikan, ekonomi dan menggalakkan anak-anak muda melanjutkan pelajaran ke luar negeri.⁶⁵ Mereka juga berusaha membangkitkan orang Melayu agar bangun dari tidur, dan menyedari hasil kekayaan negeri sudah dikuasai oleh orang asing. Kegiatan Kaum Muda melalui *Al-Imam* yang tidak hanya bersifat sosial, agama dan ekonomi, malahan secara kiasan dan sindiran, ia cuba menampakkan sikap anti penjajah British di Tanah Melayu. Soal dasar perbezaan warna kulit dan penjajahan asing juga diperkatakan. Sementara itu, berita luar negeri ada dimasukkan untuk tujuan pengetahuan pembaca.⁶⁶

Perjuangan golongan berpelajaran agama memasuki tahap yang lebih penting semasa dan selepas Perang Dunia Pertama. Dalam tempoh itu telah muncul sekolah-sekolah agama yang moden. Sekolah-sekolah agama sebelum ini lebih memberikan perhatian kepada pembacaan Al-Quran dan pembelajaran hal-hal Fardu Ain sahaja.

⁶³*Ibid.*, hlm. 73-74.

⁶⁴Abdullah Zakaria Ghazali, "Johor Sebagai Pusat Percambahan Semangat Kebangsaan Melayu dan Penubuhan UMNO", dlm. Abu Bakar Hamid (et.al.), *UMNO Johor: 50 Tahun Memertahankan Bangsa Melayu*, Yayasan Warisan Johor, Berita Publication, Kuala Lumpur, 1996, hlm. 17.

⁶⁵*Ibid.*,

⁶⁶Khazim Tamrin dan Nabir Abdullah, dalam Wan Abdul Rahman, *Sejarah Perkembangan Tamadun Dunia*, hlm. 330. Terdapat banyak penulisan yang membincangkan peranan majalah *Al-Imam* dalam kebangkitan semangat kebangsaan Melayu. Antaranya William R. Roff, *Sejarah Surat-surat Khabar Melayu*, Semudera Sdn. Bhd., Pulau Pinang, 1967, hlm. 14-20. Abdullah Haji Jaafar, dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980, hlm. 7-32. Abdul Aziz Mat Tom, "Al-Imam Sepintas Lalu", *Journal Sejarah Jilid XI*, 1972/73, Abdul Aziz Mat Tom, *Politik Al-Imam*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995 dan Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam: In Role in Malay Society, 1906-1908*, Media Cendikiawan, Kuala Lumpur, 1990.

Sekolah-sekolah yang baru itu seperti Madrasah Muhammadiyah, Kota Bharu (1917), Madrasah Al-Masyur Islamiah, Pulau Pinang (1918), Sekolah Al-Diniah, Kampung Lalang, Padang Rengas (1924) dan Daenaratul Maarifil Wataniah, Kepala Batas (1925) mempunyai kurikulum yang jauh lebih rapi. Kelulusan-kelulusan sekolah-sekolah moden ini memahami akan perkembangan dalam dunia moden. Para intelek agama telah mengeluarkan beberapa akhbar dan majalah seperti *Pengasuh*, Kota Bharu (1910), *Al-Kitab*, Kota Bharu (1920), *Idaran Zaman*, Pulau Pinang (1925), *Seruan Azahar*, Kahirah (1925) dan *Al-Ikhwan*, Pulau Pinang (1926).⁶⁷

Selepas majalah *Al-Imam* dibubarkan, maka muncul pula majalah baru yang dikenal dengan majalah *Al-Ikhwan*. Penerbitan pertama *Al-Ikhwan* ialah pada 16 September 1926 di Pulau Pinang dengan Syed Syeikh Al-Hadi bertindak sebagai penerbit dan pengarang. Sebenarnya penerbitan ini sebagai menyambung ke atas perjuangan majalah *Al-Imam* yang telah terhenti penerbitannya pada tahun 1908.⁶⁸

Isu-isu yang disentuh oleh *Al-Ikhwan* ialah mengenai masalah agama, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu di samping menyeru masyarakat Melayu supaya mengejar ilmu sama ada ilmu akhirat dan juga ilmu dunia. *Al-Ikhwan* juga membawa perkhabaran dari luar negeri dan cerita-cerita yang boleh memberi ibarat dan kiasan bagi kehidupan yang sempurna.⁶⁹

⁶⁷Khoo Kay Kim, "Suasana Politik di Tanah Melayu Perang Dunia Kedua", dalam *Malaysia: Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 182.

⁶⁸Majalah *Al-Ikhwan* berukuran lebar 6.6 inci dan panjang 9 inci ini diterbitkan dalam tulisan Jawi. *Al-Ikhwan* pada mulanya dicetak oleh The British Malaya Company dan kemudian dicetak sendiri oleh The Jelutong Press yang dipimpin oleh Syed Syeikh Al-Hadi.

⁶⁹Talib Samat, *op.cit.*, hlm. 25.

Perjuangan Kaum Muda selama hampir lima belas tahun di negeri-negeri Melayu agak kurang berkesan kerana mendapat tentangan daripada golongan ortodoks yang terdiri daripada ulama konservatif, lebai dan guru agama, dan pembesar tempatan yang masih bersifat kuno dan feudal. Mereka dianggap sebagai Kaum Tua kerana menentang Kaum Muda dan cuba mempertahankan nilai dan norma kehidupan tradisional. Mereka menganggap Kaum Muda cuba mencabar pengaruh dan kepimpinan mereka. Golongan Kaum Tua ini mendapat restu dan sokongan sultan.

Pada permulannya, penentangan orang Melayu tidak memberi kesan kepada pentadbiran British, namun ia merupakan satu perkembangan yang dianggap kurang sihat oleh pihak Inggeris kerana dasarnya yang cuba mengekalkan kepimpinan golongan Kaum Tua dalam masyarakat. Bagaimanapun perjuangan Kaum Muda semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat. Peranan Kaum Muda di negeri-negeri Selat memperlihatkan kesan yang jelas pada tahun 1920-an. Dalam dekad ini, gerakan nasionalisme yang lebih berkesan di kalangan orang Melayu telah bermula. Orang Melayu buat pertama kalinya telah menubuhkan persatuan dengan matlamat tertentu. Walaupun persatuan ini bukan bersifat politik, namun daripada kegiatannya adalah jelas mempunyai unsur politik. Persatuan pertama yang dibentuk ialah Kesatuan Melayu Singapura pada tahun 1926 di bawah pimpinan Eunos Abdullah.

Sehingga akhir 1920-an, orang Melayu masih belum menubuhkan persatuan politik.⁷⁰ Bagaimanapun pihak British merasa bimbang akan kegiatan pemimpin Melayu secara individu. Pada tahun 1923, *Political Intelligence Bureau* menarik perhatian pemerintahan terhadap kegiatan tiga orang Melayu iaitu Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba)⁷¹, Mohd Zain Haji Ayub⁷² dan Abdul Majid bin Zainuddin⁷³. Mereka disebut sebagai pelanggan penerbitan-penerbitan yang telah diharamkan. Za'ba terutamanya dikatakan *corrupting the minds of murid-muridnya* dengan menanamkan semangat anti-

⁷⁰Walaupun tidak ada pertubuhan berunsur politik, tetapi orang Melayu bergerak secara berorganisasi. Ini dapat dibuktikan apabila beberapa kelab sosial dan sukan telah ditubuhkan selepas Perang Dunia Pertama, antaranya ialah Persekutuan Keharapan Belia (1916) di Johor Bharu, Persekutuan Indera Kayangan (1910) di Kelantan dan Persekutuan Perbahasan Orang-orang Islam Muar (1919) di Johor. Abdullah Zakaria Ghazali, *op.cit.*, hlm. 19. Walaupun kelab sosial ini tidak melibatkan perjuangan politik tetapi telah ada kesedaran di kalangan orang Melayu untuk menjaga kebijakan mereka melalui berpersatuan.

⁷¹Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba (1895-1973) dilahirkan pada 16 September 1895 di Kampung Bukit Kerdas, Batu Kikir, Jempol dalam daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Za'ba mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Inggeris dan meneruskan pengajiannya di St. Paul's Institution di Seremban. Sama di St. Paul's Institution, Za'ba berjaya memperolehi Sijil Preliminary Cambridge (1913), Standard Seven Examination dan Junior Cambridge (1914) serta Senior Cambridge (1915). Buat permulaan Za'ba berkhidmat sebagai guru di St. Paul's Institution, Seremban dan kemudiannya bertugas di Johor pada tahun 1916. Pada 3 Oktober 1918, Za'ba mula berkhidmat di Malay College Kuala Kangsar (MCKK) dan ditukarkan ke Pejabat Karang Mengarang SITC. Beliau pernah bertugas sebagai pensyarah dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Za'ba banyak menulis di dalam akhbar tempatan, Inggeris dan Melayu di tahun 1920-an dan 1930-an. Maka tidak hairanlah Za'ba dianugerahkan sebagai pendita pada 23 Oktober 1973. Za'ba kembali ke rahmatullah dalam usia 78 tahun. Untuk keterangan lanjut mengenai Za'ba sila rujuk Adnan Nawang, "Za'ba dan Melayu", Berita Publication Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1998.

⁷²Beliau (1897-1988) dilahirkan di Taiping, Perak dan mendapat pendidikan awal di situ. Setelah tamat persekolahan Melayu, beliau menjadi guru pelatih, kemudian memasuki Maktab Latihan Guru, Melaka. Setelah setahun mengajar beliau memasuki pula sekolah King Edward VII, Taiping hingga lulus Sijil Standard Seven. Beliau pernah menjadi Penolong Wazir Sekolah-sekolah Melayu di Selangor, Pulau Pinang, Perak (Teluk Intan) dan pernah menjadi guru di MCKK dan akhirnya di Anderson School Ipoh hingga bersara pada tahun 1952. Beliau aktif menulis, menterjemah, terutama mengenai bahasa, agama dan pendidikan untuk keterangan lanjut, lihat *Tokoh-tokoh Guru 1975-1985*, Kuala Lumpur, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1986, hlm. 1982-1984.

⁷³Beliau dilahirkan di Pudu, Kuala Lumpur. Keluarganya berasal dari Bonjol, Minangkabau, Sumatera. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pudu (1894) dan memasuki Victoria Institution (1895-1901) hingga lulus Standard Seven. Kemudiannya memasuki MCKK (1905-1906) dan lulus peperiksaan Junior Cambridge. Berikutnya beliau menjadi guru Melayu pertama di MCKK (1907-1917). Selepas itu menjadi Penolong Wazir Sekolah-sekolah Melayu Pahang (1918) dan Pengarah serta Guru Besar di Maktab Latihan Guru Matang (1919-1922). Mulai dari 1923 hingga bersara 1941, beliau berkhidmat dengan Jabatan Polis PMS & SS dalam Cawangan Khas (Special Branch) di samping menjadi wakil kerajaan British Tanah Melayu dalam Urusan Jemaah Haji di Jeddah pada musim haji. Beliau banyak menulis dalam akhbar tempatan, Inggeris dan Melayu pada tahun 1910-an dipetik dari Adnan Hj Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publication Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1998, hlm. 36. Untuk keterangan lanjut lihat autobiografinya, W. R. Roff (ed.), *The Wondering Thoughts of Dying Man, The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978.

British⁷⁴. Oleh itu Za'ba telah dipindahkan dari MPSI ke Biro Penterjemahan, bahagian Jabatan Pelajaran, Kuala Lumpur.⁷⁵ Kegiatan-kegiatan yang bersifat individu itu tidak berkembang menjadi satu gerakan. Langkah yang lebih positif diambil di Kelantan oleh satu golongan pemuda. Yang paling dinamis di antara mereka ialah Abdul Kadir Adabi dan Assad Shukri bin Haji Muda. Kedua-dua mereka ini ialah lulusan Madrasah Muhammadiyah. Pada tahun 1929, mereka dengan beberapa orang rakan menubuhkan Kelab Putera. Kelab ini bukan sebuah parti politik tetapi ia tidak juga mengasingkan diri daripada kritikan-kritikan tentang pentadbiran negeri Kelantan. Kelab ini menerbitkan akhbar yang juga diberi nama *Putera*. Ia mengandungi ulasan-ulasan yang tajam tentang keadaan dan perkembangan di Kelantan. Pihak atasan merasa tidak senang hati dan selanjutnya mengambil langkah untuk menamatkan kegiatan Kelab Putera, tetapi semangat anggotanya tidak pudar, sepanjang tahun 1930-an, Kota Bharu amat sibuk dengan kegiatan-kegiatan intelek. Forum, ceramah dan perbahasan diadakan dan peserta-peserta dijemput dari merata tempat termasuk seorang sarjana dari Universiti Chicago.

Pada tahun 1930-an, perkembangan nasionalisme orang Melayu bertambah matang. Ini dapat dilihat melalui adanya kegiatan berorganisasi pada tahun 1926 apabila Eunos Abdullah menubuhkan Kesatuan Melayu Singapura. Beliau yang berpendidikan

⁷⁴ Mengikut Adnan Hj. Nawang, "Pengawasan Ke atas Za'ba bermula pada tahun 1920 apabila Za'ba sering mengikuti kursus Iktisas Perguruan. Pegawai Pelajaran Kolonial yang bertanggungjawab ialah A. Kier. Beliau memberi amaran lisan agar Za'ba tidak menyampaikan isi fikirannya kepada pelajar di Melaka. Di samping itu Za'ba dituduh 'cuba menghasut' fikiran pelajarnya supaya membenci kerajaan. Amaran oleh A. Kier pula diikuti oleh pengawasan rapi terhadap Za'ba oleh L.A.S Jermyu, Guru Besar MCKK, lihat Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, hlm. 16.

⁷⁵Dengan pertukaran Za'ba ke bahagian Penterjemahan, maka penjajah British berjaya mengongkong Za'ba dari bergiat membangkitkan semangat nasionalisme kepada pelajarnya. Dengan pertukaran ini, Za'ba dihadkan penulisannya kepada terjemahan bahasa, sastera dan agama, kebanyakannya dalam Bahasa Melayu. Ungku Aziz, *Jejak-jejak Di Pantai Zaman*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 3. Untuk melihat dengan mendalam mengenai Za'ba, sila rujuk Adnan Haji Nawang, *Za'ba patriot dan Pendeta Melayu*, Yayasan Penataraan Ilmu, Kuala Lumpur, 1994 dan juga Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Berita Publication Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, 1998.

Inggeris adalah wakil Melayu dalam Majlis Bandaran Singapura. Beliau sangat peka dari segi kepentingan orang Melayu berorganisasi demi kemajuan orang Melayu. Antara kejayaan perjuangan beliau ialah berjaya memperuntukkan tanah untuk orang Melayu di kawasan bandar,⁷⁶ mengambil anak-anak Melayu untuk mendapatkan pendidikan yang lebih tinggi,⁷⁷ dan pada tahun 1939, beberapa pemimpin KMS menerbitkan akhbar *Utusan Melayu*.

Pertubuhan Melayu yang bersifat kenegerian telah diwujudkan mulai pertengahan tahun-tahun 1930-an seperti Persatuan Melayu Selangor, Kesatuan Melayu Perak dan Kesatuan Melayu Pulau Pinang. Satu aspek yang jelas dalam pertubuhan itu ialah dari segi kepimpinan. Boleh dikatakan semua pemimpin persatuan negeri terdiri dari anak raja. Oleh sebab sebahagian besar anak raja ini kakitangan kerajaan menyebabkan perjuangan persatuan negeri Melayu agak kurang aktif kerana gerak-geri mereka sentiasa diawasi oleh pihak British. Kegiatan mereka bukan untuk mendesak tetapi bersifat bekerja sama. Mereka meminta pihak kerajaan supaya memberi peluang lebih banyak kepada orang Melayu untuk bekerja dengan kerajaan, mengalakkan kedatangan orang Melayu dari kepulauan Nusantara dan menyekat kemasukan masyarakat asing, membentuk pasukan askar Melayu dan menyemak semula Undang-undang Tanah Simpanan Melayu yang dianggap membawa keuntungan kepada orang Melayu.

⁷⁶ Sumbangan paling nyata Kesatuan Melayu Singapura (KMS) ialah desakannya terhadap kerajaan British supaya memperuntukkan sebidang tanah khas untuk orang Melayu Singapura. Pada tahun 1928, KMS berjaya memperoleh tanah seluas 620 ekar (251 hektar) daripada kerajaan British. Tanah ini dikenali sebagai kampung Melayu. Tuntutan kawasan kampung khas ini dikemukakan kerana orang Melayu semakin terdesak ke kawasan pedalaman apabila bandar semakin membesar. Banyak tanah pusaka Melayu jatuh ke tangan orang Arab yang kaya raya. Kawasan khas ini membolehkan orang Melayu Singapura mendirikan rumah dan tinggal di kalangan masyarakat mereka. Fauziah Shaffie dan Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Fajar Bakti, Shah Alam (Selangor), 2000, hlm. 373.

⁷⁷ Ramlah Adam, *op-cit.*, hlm. 53.

Walau bagaimanapun, di kalangan pemimpin gerakan kebangsaan yang berketurunan rakyat biasa mempunyai sikap dan perjuangan yang berbeza. Mereka lebih dinamik, keras dan berani menentang pihak British. Kebanyakan golongan ini terdiri daripada guru, wartawan, penulis dan pegawai kerajaan yang kurang mendapat perhatian kerajaan. Satu organisasi bercorak politik yang bersifat radikal dan tidak mahu bekerjasama dengan penjajah telah ditubuhkan oleh bekas pelajar Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada tahun 1937. Organisasi ini diberi nama Kesatuan Melayu Muda (KMM). Antara tokoh ialah Ibrahim Haji Yaacob⁷⁸ dan Ishak Haji Muhammad.⁷⁹ Pemimpin Kesatuan Melayu Muda mempunyai latar belakang pendidikan Inggeris dan Melayu. Oleh sebab perjuangan mereka lebih terbuka dan tidak bertolak ansur telah menyebabkan pertubuhan itu sentiasa diawasi oleh penjajah British. Menjelang Perang Dunia Kedua, Kesatuan Melayu Muda dibubarkan dan pemimpinnya dipenjarakan.

⁷⁸ Ibrahim Yaakob dilahirkan di Temerloh, Pahang pada tahun 1911. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu dan kemudiannya meneruskan pengajian ke MPSI. Setelah tamat latihan, beliau berkhidmat sebagai guru bahasa Melayu. Beliau juga melibatkan diri dalam bidang kewartawanan. Pada awalnya beliau menjadi wartawan akhbar Majlis dan kemudianya mengetuai penerbitan akhbar Warta Malaya. Bersama dengan rakan-rakannya seperti Ishak Haji Mohammad, beliau menubuhkan Kesatuan Melayu Radikal. Beliau memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu bersama Indonesia untuk membentuk 'Melayu Raya'. Oleh kerana terlalu radikal menentang Inggeris, beliau telah beberapa kali ditangkap oleh penjajah British. Selepas Perang Dunia Ke-2, beliau telah berhijrah ke Indonesia, dan bersama Sukarno, beliau memperjuangkan kemerdekaan Indonesia menentang Belanda.

⁷⁹ Ishak Hji Muhammad atau lebih dikenali dengan nama Pak Sako telah dilahirkan pada tahun 1910 di Temerloh, Pahang dan berasal dari keluarga petani. Ishak mendapat pendidikan awal selama empat tahun di Sekolah Melayu dan disebabkan pencapaian akademik yang cemerlang, beliau ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris di Kuala Lipis. Pada tahun 1929 setelah menamatkan Senior Cambridge, beliau diterima menuntut di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) untuk mendapat latihan sebagai pelatih pentadbir. Setelah menamatkan pengajian di MCKK, Ishak dilantik menjadi pegawai tadbir rendah di Pahang. Pada mulanya bertugas di Temerloh dan kemudiannya di Bentong sebelum ditukarkan ke Rembau, Negeri Sembilan. Beliau meletakkan jawatan dengan kerajaan dan bergiat aktif dalam bidang kewartawanan. Oleh kerana minatnya dalam politik terutama dalam usaha membebaskan Tanah Melayu, beliau bersama dengan Ibrahim Yaakob telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda. Oleh kerana perjuangannya terlalu radikal, maka beliau telah beberapa kali ditangkap oleh penjajah British.

Semasa Perang Dunia Kedua, kepahitan kehidupan begitu terasa sekali di kalangan masyarakat tempatan. Namun demikian, kepahitan hidup itu satu petanda yang penting dalam sejarah Tanah Air. Kesan psikologi yang ditinggalkan oleh perperangan tersebut begitu mendalam hingga ia membawa satu semangat baru kepada penduduk-penduduk di Tanah Melayu. Bagi golongan nasionalis, perkembangan ini merupakan satu sumber kekuatan dan kemegahan, satu-satunya sikap yang perlu bagi menggerakkan jentera perjuangan mereka, tambahan lagi, semangat kebangsaan dan radikalisme politik yang ditunjukkan adalah satu fenomena yang tidak kelihatan pada masa lampau.⁸⁰ Justeru itu, dalam masa yang singkat penduduk-penduduk di Tanah Melayu memperjuangkan tuntutan kemerdekaan dengan lebih agresif.

Idea awal tentang bangsa dan negara bermula apabila penjajah British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946. Orang Melayu telah bangun menentang gagasan ini kerana Malayan Union merupakan satu tindakan politik penjajah yang boleh membinasakan bangsa Melayu. Malayan Union bukan sahaja melenyapkan kekuasaan Raja-raja Melayu, agama Islam dan adat resam Melayu, malah pemberian kerakyatan secara *jus soli* kepada orang bukan Melayu adalah dianggap sebagai satu percubaan nekad menghapuskan hak dan kepentingan serta masa depan orang Melayu.

Di Semenanjung Tanah Melayu, orang Melayu telah bangun menentang Malayan Union bukan sahaja kerana tidak bersetuju dari segi kandungan perlombagaan, tetapi juga membantah tentang cara Harold Mac Michael memperdayakan Raja-raja Melayu untuk bersetuju melaksanakan Malayan Union. Dalam keadaan yang terdesak dan tertekan,

⁸⁰Haris Mohd Jadi, *op-cit*, hlm. 21.

Raja-raja Melayu tidak menyedari kesan buruk Malayan Union yang boleh menghapuskan kuasa dan kedaulatan baginda semua. Oleh itu orang Melayu bangkit mempertahankan Raja-raja Melayu, iaitu satu-satunya lambang maruah bangsa.

Asas pemikiran dan perjuangan untuk mewujudkan satu bangsa dan sebuah negara yang bermaruah dan berdaulat telah dicetuskan oleh Dato' Onn bin Jaffar.⁸¹ Beliau telah mengetuai bangsa Melayu menentang pentadbiran Malayan Union⁸² yang hendak diperkenalkan oleh penjajah British.⁸³ Beliau berjaya membangkitkan kesedaran di kalangan orang Melayu tentang maruah, identiti, kebudayaan dan peradaban bangsa Melayu, malahan Dato' Onn memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Untuk menarik perjuangan orang Melayu sejagat, Dato' Onn telah menuhuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu atau United Malayan Nasional Organization (UMNO) pada

⁸¹Beliau dilahirkan di Johor dan mendapat pendidikan awal di England dan pernah memasuki MCKK. Dato' Onn berasal dari keluarga aristokrat Johor. Oleh kerana berasal dari keluarga aristokrat Johor, maka Dato' Onn telah berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Johor. Dato' Onn bin Jaafar ialah Pegawai Daerah Batu Pahat semasa Malayan Union hendak diperkenalkan, melalui daya usahanya, gerakan menentang Malayan Union telah menjadi sati gerakan nasional yang menggabungkan semua tenaga secara konkret dan bersepada terhadap Malayan Union. Dengan memberanikan diri dan sokongan dari kawan-kawannya serta persatuan-persatuan negeri Johor yang lain, beliau tampil ke depan memimpin orang Melayu dalam saat yang begitu penting sekali. Dengan kerjasama persatuan-persatuan negeri-negeri Melayu yang lain serta para pemimpinnya, Dato' Onn Jaafar mengetuai orang Melayu mengadakan Kongres 1946 dan seterusnya melahirkan persatuan kebangsaan bagi orang Melayu iaitu UMNO. Ramli Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm. 2.

⁸²Dalam ucapan di Kongres Melayu tergempar di Pejabat Akhbar Majlis, Batu Road, Kuala Lumpur, pada 30 Mac 1946, Dato' Onn menjelaskan 'pada fikiran saya, pada hari bertepatan dengan datangan Malayan Union itu kita ambil dan jalankan perjuangan tidak bersenjata yang tersebut ini: (1) Diminta supaya raja-raja kita jangan hadir di dalam Majlis Mesyuarat Gabenor Malayan Union itu, (2) Diminta orang yang menjadi ahli Majlis Mesyuarat Penasihat menarik diri daripada majlis itu, (3) Ditetapkan supaya tiap-tiap orang pada satu hari bulan itu bergabung menunjukkan dukacita di atas kehilangan benda-benda yang kita kasihkan itu, tetapi saya mengingatkan supaya penentangan kita ini jangan jadi seperti marahkan pijat-pijat kelambu dibakar', Wan Mohd Mahyiddin (Penyelenggara), *Amanat Presiden*, Jilid 1, Fajar Bakti, Shah Alam, 1977, hlm. 74.

⁸³Zainal Abidin Wahid, "The Malayan Union: Its Introduction", dalam *Glimpses of Malaysian History*, hlm. 99.

11 Mei 1946⁸⁴ dan UMNO⁸⁵ adalah satu parti politik pertama yang dapat menyatukan orang Melayu di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.⁸⁶

Penentangan UMNO terhadap Malayan Union itu bukan setakat dari masyarakat Melayu biasa tetapi juga disertai bersama Raja-raja Melayu. Selepas bulan April 1946, Raja-raja Melayu mula menyedari akan kesilapan mereka menyerahkan semua kuasa pentadbiran dan kedaulatan dalam Perjanjian Mac Michael. Oleh itu pada bulan Mei 1946, mereka bercadang untuk menghantar rombongan ke London dengan Dato' Onn dilantik sebagai salah seorang anggotanya. Pada bulan Jun pula, Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz Shah, yang mewakili Raja-raja Melayu merayu melalui suratnya kepada Viscount Elibank, Ahli Parlimen Parti Konservatif supaya polisi Malayan Union diubah terutama dalam ‘menjaga hak kedaulatan Raja-raja Melayu’. Secara peribadi Raja-raja Melayu lain juga menghantar surat bantahan kepada Setiausaha Tanah Jajahan. Dengan itu menjelang Mei 1946, Raja-raja Melayu dan UMNO telah mendapat kata sepakat menentang Malayan Union.⁸⁷

Di sebalik penentangan oleh orang Melayu terhadap perlaksanaan Malayan Union, masyarakat bukan Melayu telah menyokong Malayan Union kerana kerakyatan yang memuaskan bagi mereka. Orang Cina juga bersetuju dengan dasar *dual nationality*

⁸⁴Ramlah Adam, *op.cit.*, hlm. 146.

⁸⁵Pada permulaan nama UMNO ialah UMO atau United Malaya Organization (Pertubuhan Melayu Bersatu), bagaimanapun Za'ba mengesyorkan ditambah perkataan National yang bermaksud kebangsaan selepas Malays. Syor Za'ba ini telah diterima oleh Majlis. Dengan itu UMO menjadi UMNO (United Malays National Organization/Pertubuhan kebangsaan Melayu Bersatu atau Pekembar), lihat Abdullah Zakaria Ghazali, dalam Abu Bakar Hamid, *op.cit.*, hlm. 34.

⁸⁶*Ibid.*, hlm. 106.

⁸⁷Ramlah Adam, “Perjuangan UMNO menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957”, dlm. Abu Bakar Hamid (et.al.), *op.cit.*, hlm. 46.

dalam Malayan Union. Akhbar Cina seperti *Sin Chew Jit Poh*, *Sin Min Chu* dan *Hua Chio* menyokong kerakyatan Malayan Union. Dianggarkan 1.6 juta orang Cina atau 62.5% daripada penduduk Cina Tanah Melayu akan menjadi rakyat Malayan Union. Bakinya sebanyak 37.5% boleh mendapatkan kerakyatan melalui syarat-syarat lain dalam Malayan Union.

Oleh kerana kedegilan UMNO menentang Malayan Union, maka pihak berkuasa Malayan Union bersedia berunding. Tambahan pula Raja-raja Melayu juga telah menunjukkan kerjasama dengan UMNO sejak bulan April 1946. Kerjasama Raja-raja Melayu itu membimbangkan British kerana selama ini sokongan Raja-raja Melayu telah memudahkan pentadbiran British di Tanah Melayu.⁸⁸

Penentangan orang Melayu dan disokong oleh Raja-raja Melayu menyebabkan dasar dan struktur kerajaan Malayan Union telah tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya dan akhirnya dibubarkan pada tahun 1948. Rundingan di antara penjajah British dengan wakil Raja-raja Melayu dan wakil UMNO telah melahirkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada Februari 1948. Perjanjian Persekutuan tahun 1948 telah memulakan babak baru dalam sejarah Tanah Melayu. Orang Melayu yang diwakili oleh Raja-raja Melayu dan UMNO dalam menolak kerakyatan secara *jus soli* telah menyatakan kesediaan mereka menerima orang bukan Melayu sebagai warganegara Persekutuan. Orang bukan Melayu yang lahir sebagai rakyat Raja-raja Melayu secara automatik menjadi warganegara Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan menetapkan dua jenis kerakyatan iaitu berdasarkan kuatkuasa undang-undang dan permohonan.

⁸⁸ *Ibid.*, hlm. 46.

Dengan pemberian kerakyatan berdasarkan kuatkuasa undang-undang dan permohonan, berakhirlah Tanah Melayu sebagai milik tunggal orang Melayu dan bermulakah perkongsian terhadap negara. Orang bukan Melayu boleh menjadi warganegara serta mendapat hak sebagai rakyat Persekutuan Tanah Melayu, manakala orang Melayu pula terus diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberi pengiktirafan dalam Perlembagaan dan taraf bahasa Melayu dipertingkatkan sebagai bahasa rasmi, bersama-sama bahasa Inggeris.

Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 merupakan satu kejayaan yang besar kepada bangsa Melayu. Kedaulatan Raja-raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu telah dapat dipertahankan di samping orang-orang Melayu dapat merencanakan kehidupan mereka di masa depan. Ekoran pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948, maka Dato' Onn selaku Pengurus UMNO telah meminta \$10 juta daripada kerajaan British untuk memajukan penduduk tempatan. Peruntukan ini akan digunakan sebagai pinjaman bagi mengembangkan sektor pertanian dan ekonomi penduduk-penduduk luar bandar yang sebahagian besarnya terdiri daripada orang Melayu.

Hasil daripada permintaan ini, terjadilah perundingan antara Pesuruhjaya Tinggi British dengan UMNO yang diwakili oleh Dato' Onn. Akhirnya persetujuan dicapai dan Dato' Onn yang ketika itu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Dewan Perundangan Persekutuan telah diminta merangka struktur pembangunan desa. Dato' Onn pergi ke

Ceylon pada tahun 1950 mengkaji rancangan pembangunan desa di sana untuk disesuaikan dengan kehendak Semenanjung Tanah Melayu.

Sekembalinya Dato' Onn ke Tanah Melayu, beliau telah memberi laporan kepada *Legislative Council*. Laporan ini merangkum skim untuk menubuhkan sebuah badan yang dinamakan Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan atau Rural Industry Development Authority (RIDA). Ia merupakan satu alat kerajaan untuk menyusun semula kehidupan di kampung dan meninggikan taraf hidup mereka. Pada tahun 1951, RIDA telah ditubuhkan secara rasmi sebagai sebuah badan di bawah Ordinan No.48/1953. Dato' Onn bin Jaffar telah dilantik sebagai Pengurus RIDA yang pertama.

Penubuhan RIDA adalah satu kejayaan yang besar bagi orang Melayu. Ini kerana segala permintaan orang Melayu tidak dilayan oleh penjajah British sebelum penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Tugas RIDA ialah memperbetulkan sosio-ekonomi orang Melayu akibat pejajahan British. Apabila Semenanjung Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, peranan RIDA membantu masyarakat luar bandar diteruskan sehingga RIDA dibubarkan pada tahun 1965 dan digantikan oleh MARA.